

26 JAN 2002

Abdul Hamid-Pakistan

PERIKSA INSTITUSI AGAMA SEBELUM HANTAR ANAK, KATA ABDUL HAMID

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Ibu bapa harus menapis institusi-institusi pengajian agama di luar negara sebelum menghantar anak mereka menuntut di sana, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, hari ini.

"Ini kerana kita khuatir bila sampai di sana, ada yang bukan belajar apa yang sepatutnya mereka belajar," katanya kepada pemberita selepas melawat Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) di Pusat Islam, di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai kecenderungan ibu bapa Malaysia menghantar anak mereka belajar di beberapa madrasah di Pakistan.

Abdul Hamid berkata kebimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu berasas kerana terdapat kes pelajar Malaysia menjadikan minat belajar agama sebagai topeng atau pasport untuk ke luar negara.

"Kata pergi belajar Islam tapi tak belajar Islam yang sebenarnya, lain ceritanya. Sudah pasti pengetahuan mereka terhadap Islam akan selamanya cetek dan tidak meningkat.

"Inilah yang kita kawal kerana telah ada bukti penyalahgunaan tujuan untuk belajar tapi tidak belajar yang sebenarnya," katanya.

Semalam, Dr Mahathir menyatakan kebimbangan beliau terhadap kecenderungan ibu bapa menghantar anak mereka belajar di madrasah-madrasah Pakistan yang mungkin dijadikan pusat menyemai pemikiran yang mendorong kepada keganasan.

Abdul Hamid berkata setakat ini belum ada pelajar tajaan kerajaan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti militan.

Mengenai Yadim, Abdul Hamid berkata yayasan itu yang ditubuhkan pada 1974 telah memberi sumbangan bermakna dalam perkembangan dakwah Islamiyah di negara ini.

Kerajaan juga bersetuju memperuntukkan RM4.3 juta setahun kepada Yadim bagi menjalankan aktiviti tahunannya, katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Yang Dipertua Yadim, Datuk Haji Nakhaie Ahmad.

-- BERNAMA

SNS AZZ NAK